

Bahasa Melayu telah mampu untuk membuktikan keampuhan dan kewibawaannya sebagai bahasa urus tadbir negara semenjak negara mengesep kemerdekaan. Hal yang sedemikian berlaku dalam sejarah pentadbiran negara.



www.facebook.com/dewanbahasa  
http://dwbahasa.dbp.my

Dewan Bahasa diterbitkan setiap bulan sejak tahun 2001. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat Dewan Bahasa. Segala sumbangan yang diterima tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan karya yang dikirimkan.

© Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 2018.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa juga cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

# Bicara Bahasa

## Bahasa Melayu Bahasa Pentadbiran Negara


Kursus bahasa Melayu itu berlangsung selama dua hari. Kursus itu dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak yang berwenang tentang bahasa negara. Peserta kursus terdiri daripada penjawat awam, terutama mereka yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan yang menjadi penganjur, dan mereka yang ingin terus mendalami bahasa itu setelah tamat pendidikan formal di sekolah.

Peserta itu hanya menghadiri kursus bahasa tersebut pada hari kedua. Katanya, dia sibuk mengurus hal lain pada hari pertama. Dia berasa dukacita kerana hanya mampu untuk mengikuti sebahagian daripada kursus itu. Baginya, kursus bahasa itu amat bermanfaat kepada semua warga Malaysia dan sewajarnya mereka menghidirinya.

“Semua orang mesti boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan. Tiap-tiap hari kita berurusan dengan pihak berkuasa tempatan yang menggunakan bahasa kebangsaan. Jadi kita mesti belajar bahasa kebangsaan untuk memudahkan urusan kita dengan mereka. Bahasa itu bahasa pentadbiran negara,” kata Yee Jee Kwong ketika kami menikmati sajian makan malam di restoran tersebut.

Jee Kwong bukan penutur asli bahasa Melayu. Namun demikian, baginya, semua warganegara Malaysia mesti mampu untuk menuturkan bahasa Melayu kerana bahasa itu bahasa kebangsaan. Jika rakyat Malaysia tidak dapat berbahasa Melayu, mereka perlu menghadiri kursus, seperti yang dilakukannya, walaupun dia berupaya untuk menggunakan bahasa itu dengan baik.

Rakyat Malaysia wajar menghadiri kursus bahasa Melayu untuk memahirkan diri dalam bahasa tersebut.



Kaunter pengesahan iklan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Hariff Mohd. Eusoff berkhidmat sebagai pegawai tadbir dan diplomatik pada suatu ketika dahulu. Dia kini berusia 80 tahun dan banyak menghabiskan masa untuk menimba ilmu di masjid yang berhampiran dengan rumahnya. Sesekali apabila kami bertemu di masjid, sambil menikmati jamuan ringan selepas mengecapi santapan minda tentang agama, kami berbincang tentang hal ehwal negara, termasuk isu bahasa.

“Bahasa Inggeris digunakan ketika saya mula-mula bertugas dahulu. Jadi apabila berlaku kesalahan tatabahasa dalam surat, sebagai contohnya, saya atau sesiapa sahaja yang mendrafkan surat itu akan ditegur oleh ketua. Ketua amat menitikberatkan penggunaan bahasa Inggeris yang baik dan betul dalam apa-apa juga hal,” katanya.

Hal yang sedemikian itu, katanya, tidak berlaku kepada bahasa Melayu. Jika berlaku kesalahan tatabahasa dalam surat, sebagai contohnya, kesalahan itu tidak ditegur oleh ketua. Maka Mohd. Hariff mengemukakan pertanyaan kepada penulis ini: Mengapakah hal itu berlaku? Adakah ketua sekarang tidak menguasai bahasa Melayu seperti ketua dahulu menguasai bahasa Inggeris?

Mohd. Hariff pegawai produk awal kemerdekaan. Walaupun mendapat pendidikan di dalam negara, dia fasih berbahasa Inggeris kerana bahasa itu menjadi

bahasa utama pada zamannya. Pertanyaannya seolah-olah menunjukkan bahawa warga Malaysia sekarang, termasuk pegawai kerajaan, tidak dapat menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul.

Mohd. Khalil Dan pengarah urusan syarikat pembinaan tempatan. Dia mendapat pendidikan universiti di Amerika Syarikat. Apabila berbicara dengannya, pasti akan keluar bibit bualan dalam bahasa Inggeris. Kadang-kadang dapat dikesan bahawa dia selesa untuk menggunakan bahasa tersebut. Oleh sebab berasal dari Johor, dengan bangganya dia menyatakan bahawa dia mampu untuk membaca tulisan Jawi.

Kerana mematuhi peraturan pihak berkuasa tempatan, Mohd. Khalil mengunjungi pihak yang berwenang tentang bahasa negara untuk mendapatkan pengesahan iklan syarikatnya. Dia bersetuju dengan

langkah pengesahan iklan yang dilakukan oleh pihak itu. Dia melihat langkah tersebut sebagai satu daripada cara untuk memastikan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul, setidak-tidaknya pada papan iklan.

Ketiga-tiga senario itu menunjukkan keprihatinan tiga orang rakyat negara ini terhadap bahasa kebangsaan mereka. Secara kolektifnya, mereka mempunyai rumusan yang sama, iaitu warganegara Malaysia mesti mempunyai upaya untuk menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul. Tentu sekali jika 30 juta orang rakyat negara ini, yang pelbagai agama, bahasa, dan budaya, mempunyai sikap seperti ketiga-tiga orang itu, kita tidak lagi akan membincangkan hal pemeraksanaan dan pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Selamat menyambut hari raya Aidilfitri 2018/1439. DB



Bahasa Jiwa Bangsa.

Armin Azhari Saleh